



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 18 JUN 2022	
1.	Retail price of chicken expected to rise next month
2.	FLFAM jangka harga sekilogram ayam cecah lebih RM10
3.	Restaurants unlikely to face shortage of chicken -Export ban will worsen supply crunch, lead to price hikes
4.	Permintaan ibadah korban lebih tumpu lembu hidup
5.	Rakyat harap kerajaan teruskan pemantauan
6.	Kilang proses sisa ayam diarah tutup serta-merta

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18.06.2022	THE STAR	NATION	2

Retail price of chicken expected to rise next month

MELAKA: Chicken price at the retail level is expected to rise above RM10 per kg after the ceiling price scheme ends on June 30, said the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM).

Its adviser Datuk Jeffrey Ng said chicken breeders have to bear additional operation costs, which are

projected to increase the price of each kg of chicken supplied by the farms to RM7 from July 1.

He said the maximum chicken retail price set by the government at RM8.90 per kg is based on the current farm price of RM5.60, and breeders will have to shut their operations if the present cap is

maintained without any subsidy from July 1.

"The farm price for chicken may increase to RM7 (per kg) without the subsidy and based on this situation, the price of chicken is anticipated to soar," he said here yesterday.

Ng said FLFAM hopes a meeting

could be arranged between them and stakeholders in the government to look into a win-win situation post July 1.

"We hope for a meeting so that a proper pricing mechanism is introduced, that no parties will incur losses due to increase in operations cost," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18.06.2022	SINAR HARIAN	CETUSAN	16

FLFAM jangka harga sekilogram ayam cecah lebih RM10

MELAKA - Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangkakan harga sekilogram ayam akan mencecah lebih RM10 selepas berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam dan pemberian subsidi kepada penternak ayam pada 30 Jun ini.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffery Ng Choon Ngee berkata penamatan kedua-dua insentif daripada kerajaan itu sekali gus akan menyebabkan kos keseluruhan yang ditanggung penternak akan meningkat melebihi RM7 sekilogram selaras dengan peningkatan harga makanan ayam.

"Sekarang ini harga sekilogram ayam adalah RM8.90 iaitu harga ayam segar dari ladang adalah RM5.60 sekilogram tetapi sekarang ini kami masih mendapat subsidi sebanyak RM1.40 bagi sekilogram ayam.

"Harga dedak hari ini satu beg lebih kurang RM130... paling murah. Satu kilogram dedak pula lebih kurang RM2.60. Ini hanya dedak sa-

haja dan bagi kira-kira 1.7kg ayam, kos dedak sudah lebih RM4 manakala anak ayam yang kami beli berharga RM2.30 hingga RM2.40 seekor," katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, penternak bukan sahaja perlu menanggung harga pembelian anak ayam dan dedak, tetapi juga perlu mengambil kira kos lain seperti gaji, ubat vaksin dan elektrik.

Katanya, justeru FLFAM berharap dapat melakukan perbincangan dengan kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menentukan harga baharu ayam yang munasabah dan mengambil kira kepentingan rakyat serta penternak ayam di negara ini.

Pada Khamis, media melaporkan harga ayam dijangka naik bulan depan apabila ia diapungkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

- Bernama

'RESTAURANTS UNLIKELY TO FACE SHORTAGE OF CHICKEN'

This is because most operators use broiler chicken for dishes, says Presma

DHESEGAAN BALAKRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

RESTAURANTS are unlikely to face a shortage of chicken supply as long as the export ban on regular broiler chicken stays. Malaysian Muslim Restaurant Owners' Association (Presma) president Datuk Jawahar Ali Taib

Khan said this was because most restaurants used broiler chicken for their dishes.

"So the government's decision to resume exports of coloured broiler chicken will not affect our members," he said.

"The export ban should be lifted only after the prices of chicken had stabilised.

"The government should also continue to find other alterna-

tives to ensure a stable supply for local consumption.

"One way is to step up imports of chicken and allow those who are capable of providing cheaper chicken prices to do so."

He said this would benefit consumers in the long run.

On June 1, the government imposed a ban on chicken exports to ensure its supply for domestic consumption remained stable.

However, the Agriculture and Food Industries Ministry, on June 15, gave special permission for the export of three chicken commodities — "ayam kam-

pung" and black chicken, all chicken-based products and day-old-chicks (DOC) parent stocks.

The export ban on regular broilers, nevertheless, is still in effect.

Previously, the government had set the maximum retail price of standard chicken at RM8.90 per kg and super chicken (slaughtered and cleaned without the legs, head, liver and gizzard) at RM9.90 per kg.

However, chicken prices are set to soar again once the floating price system replaces the max-



Datuk Jawahar Ali Taib Khan

imum retail price scheme, which ends on June 30.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi had, on Thursday, said the Finance Ministry planned to roll out financial aid to help those affected cope with the possible price hikes.

Expert: Export ban will worsen supply crunch, lead to price hikes

KUALA LUMPUR: The export ban on broilers will worsen the chicken supply shortage and lead to price hikes, said an economist yesterday.

Centre for Market Education chief executive officer Dr Carmelo Ferlito said the ban, coupled with the ceiling price for chicken, would foil the government's efforts to curb chicken price hikes.

"The Malaysian poultry industry has been primarily devoted to catering to local consumption and the country's chicken exports accounted for only around five to six per cent of the local production.

"As such, the government's announcement to resume the export of coloured broiler chicken is irrelevant since these birds represent a limited portion of the actual chicken exports," Ferlito told the *New Straits Times*.

He said the ban would limit profit opportunities for a supply that was already frustrated by ceiling prices.

He said this was because the ban was preventing local breeders from exploring profit opportunities abroad.

"So, on one hand, export restrictions would discourage local breeders from stepping up production of chickens.

"On the other hand, the ceiling prices set by the government would discourage foreign players from entering the local poultry industry. This will prolong price tensions.

"In the long run, fewer chickens will be produced locally, and the country's poultry industry will not be able to generate



Dr Carmelo Ferlito



Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff

enough jobs."

Associate Professor Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, an economic analyst from Universiti Putra Malaysia's Putra Business School, said local chicken breeders had reduced their production in the last few months because of the rising cost of chicken feed.



A woman buying chicken at the Chabang Tiga wet market in Kuala Terengganu yesterday. PHOTO BY SHARIF KHIR

The breeders, he said, opted to export their excess chicken supplies due to greater demand and higher prices.

"This led the government to restrict the export of some of these chicken products. The measure is a temporary fix and stops short of addressing the root cause of the problem.

"Otherwise, our country's self-sufficiency level for chicken and

eggs was already above 100 per cent, at 104.1 and 119.1 per cent, respectively, in 2019. These allowed us to export our excess supplies to countries like Singapore."

He said the prolonged export ban put Malaysia at risk of losing its clients, who may turn to Thailand and Indonesia as their new source countries for chicken supply.

"So the government must focus on exploring alternative suppliers and encourage local production of chickens.

"We should start executing all the 77 action plans outlined under the National Agrofood Policy 2.0 launched last year.

"These include plans to roll out incentives, as well as research and development programmes to produce animal feed locally."

Isu gantung kelulusan loji sembelihan di Australia

Permintaan ibadah korban lebih tumpu lembu hidup

Tiada masalah bekalan terjejas, daging ditampung dari tempat lain

Johor Bahru: Isu penggantungan kelulusan loji sembelihan Thomas Foods International Lobethal, Australia, tidak akan menjejaskan bekalan daging lembu, khususnya untuk sambutan Aidiladha.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad, berkata ia kerana permintaan tinggi bagi aktiviti korban sempena perayaan itu adalah khusus terhadap lembu hidup.

"Masalah (terjejas) bekalan tidak timbul kerana selalunya kalau (daging) permintaan tinggi pada musim perayaan Aidilfitri, (manakala) Aidiladha orang tunggu lembu hidup.

"Jadi, insya Allah tidak ada isu dan (bekalan daging terjejas) pun ditampung oleh tempat lain," katanya kepada pemberita pada Majlis Tilawah dan Hafazan

JAKIM gantung kelulusan loji sembelihan di Australia



Keratan akhbar BH 15 Mei lalu

Al Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) 2022 di sini, malam kelmarin.

Beliau ditanya sama ada penggantungan kelulusan loji sembelihan itu akan menjejaskan bekalan daging pada sambutan Aidiladha ini.

Mengulas lanjut berhubung status penggantungan itu pula,

Idris berkata perkara berkenaan masih dalam proses siasatan.

Pada 14 Mei lalu, media melaporkan kelulusan penyembelihan yang diberikan kepada syarikat diiktiraf halal oleh Malaysia, Thomas Foods International Lobethal di Australia, digantung serta-merta hingga suatu hasil siasatan menyeluruh diperoleh.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hakimah Mohd Yusoff, dipetik berkata keputusan itu dibuat hasil sidang khas Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan JAKIM dengan pihak berkuasa Australia, Department of Agriculture, Water and the Environment (DAWE), pada 13 Mei lalu.

BERNAMA

Masalah (terjejas) bekalan tidak timbul kerana selalunya kalau (daging) permintaan tinggi pada musim perayaan Aidilfitri, (manakala) Aidiladha orang tunggu lembu hidup

Idris Ahmad,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Rakyat harap kerajaan teruskan pemantauan

Kuantan: Kenaikan harga barangan, terutama barang basah kebelakangan ini memberi kesan kepada pengguna yang meminta kerajaan melakukan sesuatu supaya kenaikan harga itu dapat dikawal.

Tinjauan BH di beberapa pasar raya dan kedai runcit, semalam, mendapati berlaku kenaikan harga barang basah yang agak tinggi.

Beberapa pengguna yang ditemui mengharapkan kenaikan harga barang itu hanya bersifat sementara dan kerajaan terus memantau isu berkenaan.

Suri rumah, Noordeyana Mohd Rashdi, 39, berkata walaupun harga ayam sudah turun, ia dianggap masih tinggi kerana kos potong ayam pula diambil kira.

"Begitu juga harga barangan lain seperti ikan, tepung, gula, minyak masak, susu dan sayuran semuanya naik mendadak dan pasti memberi beban kepada pengguna, terutama golongan B40."

"Justeru, sebagai pengguna, kita perlu bijak membeli barang

secara berhemah dan mengamalkan gaya hidup berjimat cermat mulai sekarang sebelum berlaku krisis makanan yang serius," kata ibu kepada empat anak yang menetap di Gudang Rasau itu.

Nor Zuwita Mohamad Taib, 43, pula berkata kenaikan harga barang merunsingkannya sebagai seorang peniaga makanan.

"Jualan saya kebanyakannya berasaskan ayam seperti sate, nasi Arab, nasi maqjubah, nasi ayam dan masakan ala Barat. Kenaikan harga barang sudah pasti memberi kesan kepada jualan saya, terutama dari segi modal dan keuntungan."

"Sebagai contoh, harga sekotak isi ayam sebelum ini RM113, tetapi kini harganya



Noordeyana Mohd Rashdi



Nor Zuwita Mohamad Taib

mencubah RM168 dan saya hanya nakkan 10 sen, menjadikan 90 sen, secucuk sate ayam," katanya.

Zuwita yang ber-niaga di Jalan Kampong Kempadang, Sungai Sot berharap kerajaan terus memantau harga barang kerana ada peniaga yang menaikkan harga barang dengan alasan mereka turut membeli pada harga tinggi daripada pemborong atau orang tengah.

Bagi pengguna, Nordin Abdullah, 60, kenaikan harga barang sudah pasti membebaskan pengguna, terutama golongan kurang berkemampuan.

"Kalau dah semua harga barang naik, terutama makanan, apa lagi pilihan yang apa lagi terpaksa membeli dan berjimat selagi boleh."



(Foto Alnah Matjanan Abc (Shan)/BH)

tinggi.

"Selapas isu harga ayam dan caj potong mulai reda, timbul pula isu kenaikan harga ikan dan sayur tertentu pula selain susu pekat, Milo, bijirin dan tepung yang turut naik harga," katanya yang menetap di Taman Sri Belat, di sini.

Justeru, Nordin mengharapkan kerajaan berbuat sesuatu

mengepal isi, kenaikan harga barang keperluan harian yang semakin membebaskan pengguna.

"Sampai bila rakyat akan mendepani masalah ini, pada masa sama, kami masih tidak melihat usaha proaktif kerajaan menyelesaikannya," katanya.



Anggota MPKS menutup kilang proses sisa ayam yang mengeluarkan bau busuk dalam satu operasi bersepadu di Bagan Tengkorak, Tanjong Karang. (Foto ihsan MPKS)

Kilang proses sisa ayam diarah tutup serta-merta

Premis keluarkan bau busuk mengganggu penduduk sekitar Bagan Tengkorak

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Tanjong Karang: Sebuah kilang memproses sisa ayam sebagai baja pertanian di Bagan Tengkorak, di sini, diarahkan tutup serta-merta pada Selasa lalu.

Kilang berkenaan diserbu dalam satu operasi bersepadu mem-

babitkan 15 anggota Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan polis, kira-kira jam 10.30 pagi.

Ia berikutan aduan penduduk sekitar Bagan Tengkorak kerana terganggu dengan pencemaran bau busuk didakwa darip kilang terbabit yang dikatakan beroperasi sejak tujuh bulan lalu.

Pengarah Jabatan Penguat Kuasa MPKS, Mohamad Lutfi Mislahhudin, berkata hasil pemeriksaan dalam serbuan itu mendapati kilang terbabit beroperasi di lokasi yang terlindung dengan aktiviti pertanian.

Beliau berkata, pengusahanya juga didakwa gagal menyediakan persekitaran bersih sehing-

ga kilang itu mengeluarkan bau busuk.

"Kilang itu diarahkan tutup serta-merta dan dikenakan kompaun atas kesalahan tidak memiliki lesen aktiviti mengilang serta kacau mengganggu bau busuk," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut menyita dua unit jentera angkat susun (forklift) dan satu unit pemampat udara di kawasan kilang berkenaan.

"Siasatan dijalankan mengikut UUK 3 Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen daripada pihak berkuasa," katanya.